

# RMK-9 era pertanian

um - 3/4/2006

Oleh FATIMAH MOHD. ARSHAD

**RANCANGAN** Malaysia Kesem-  
bilan (RMK-9) menempah era gemi-  
ang untuk sektor pertanian. Kerajaan  
dengan bijak menyediakan pendekatan  
baru untuk mengembalikan semula era  
kecemerlangan pertanian sebagai pen-  
jana ekonomi.

Sejumlah RM11.4 bilion telah dipe-  
runtukkan untuk sektor ini, iaitu pe-  
ningkatan 70 peratus berbanding de-  
ngan peruntukan dalam RMK-8.

Paradigma untuk menggembelng  
sektor ini telah diubah menepati tuntu-  
tan semasa dari segi hala tuju dan  
strategi yang dilaksanakan.

Dalam rancangan lima tahun yang  
lepas, kerajaan telah mengambil pen-  
dekatan dalam merancang peruntukan  
dan program sektornya. Di bawah  
RMK-9, pendekatan baru digunakan  
yang mana penekanan diberi berda-  
sarkan kepada lima teras pembangunan  
yang menjadi landasan utama dalam  
mencapai misi negara.

Lima teras pembangunan ini adalah  
peningkatan nilai tambah, pengetahuan  
sebagai pengemudi utama ekonomi, ke-  
perluan agihan saksama kekayaan,  
penggunaan sumber yang lestari dan  
kecekapan agensi dan institusi pelak-  
sana.

Pemilihan paradigma ini adalah bi-  
jak, menepati keperluan ekonomi se-  
masa. Iaitu, jalinan dan rangkaian yang  
rapat antara satu sektor dengan yang  
lain dan hubungan ekonomi dalaman  
dan antarabangsa - menuntut peranca-  
ngan ekonomi merentasi pelbagai sek-  
tor dan fungsi.

Sebagai contoh, untuk memajukan  
sesuatu sektor, ia melibatkan pemban-  
gungan modal insan, teknologi dan po-  
lisi sumber yang mapan. Iaitu, ia me-  
libatkan kelima-lima teras tersebut.

RMK-9 merancang strategi untuk  
meningkatkan prestasi sektor pertanian  
yang dijangka berkembang lima peratus  
setahun. Strategi utama untuk sektor  
ini adalah melalui (i) meningkatkan  
nilai tambah; (ii) perladangan komer-  
sial berskala besar; (iii) penggembelng-  
an teknologi maklumat dan ko-  
munikasi (ICT) dan bioteknologi; (iv)  
peningkatan produktiviti; (v) penyerta-  
an sektor swasta sebagai pemangkin  
pertumbuhan; (vi) penyediaan prasa-  
rana dan (vii) memastikan kecekapan  
institusi pelaksana.

Secara imbas, pernyataan polisi stra-  
tegi ke atas sektor pertanian ini me-  
mang meyakinkan.

## Pengeksport Makanan 2010

Antara wawasan RMK-9 ke atas sek-  
tor pertanian adalah untuk menjadikan  
Malaysia sebagai pengeksport bersih  
makanan atau mewujudkan imbalan  
pembayaran yang positif menjelang  
2010.

Salah satu strategi ke arah penca-

paian matlamat ini adalah pewujudan  
28 Taman Kekal Pengeluaran Makanan  
seluas 2,400 hektar dan Agropolis di  
Serdang, lembah ternakan, lembah  
buah-buahan, taman akuakultur dan  
taman makanan halal.

Ini adalah satu matlamat yang besar  
memandangkan selama beberapa de-  
kad yang lepas, negara bergantung ke-  
pada import untuk bahan makanan ter-  
utama fid untuk ternakan, makanan  
yang diproses, buah-buahan dan sa-  
yur-sayuran.

Matlamat ini adalah bertepatan ke-  
rana imbalan pembayaran yang po-  
sitif akan meningkatkan rizab wang  
asing negara di samping meningkatkan  
pendapatan pengeluar.

Bagaimanapun sama ada objektif ini  
boleh dicapai bergantung kepada sama  
ada sektor pengeluaran negara dapat  
menyaingi import yang murah kesan  
daripada globalisasi.

Pada masa ini, produktiviti penge-  
luaran makanan di Malaysia (termasuk  
sayur-sayuran, buah-buahan) masih ti-  
dak dapat menandingi pesaing di luar  
negara. Hanya dengan peningkatan  
produktiviti dan inovasi keluaran yang  
agresif melalui teknologi sahaja yang  
boleh melonjakkan sektor pengeluaran  
negara menyaingi pengeluar yang cekap  
dan murah seperti Thailand, Indonesia,  
China, Vietnam dan negara lain.

Ini kerana berbanding dengan ne-  
gara-negara itu, kos buruh di Malaysia  
adalah lebih tinggi dan tanah yang se-  
suai pula terbatas. Maka intensiti peng-  
gunaan tanah, modal dan input yang  
lain perlu dipertingkatkan melalui tek-  
nologi; iaitu bioteknologi dan meka-  
nisasi.

Kerajaan menyedari hakikat ini telah  
menggariskan satu pakej yang kom-  
prehensif untuk membangunkan sektor  
makanan seperti yang terkandung da-  
lam lima teras RMK-9.

Sebagai contoh, untuk meningkatkan  
pendapatan daripada komoditi perta-  
nian, strategi menokok 'nilai tambah'  
telah digariskan.

Nilai tambah komoditi dicapai mel-  
alui pemprosesan atau inovasi. Hal ini  
sekali lagi bermakna kepentingan tek-  
nologi untuk mengubah dan seterusnya  
menambah 'nilai' ke atas sesuatu ke-  
luaran.

Malaysia kaya dengan pelbagai ke-  
luaran, tetapi miskin dari segi nilai  
tambah ke atas keluaran tersebut ke-  
rana tahap teknologi yang rendah, lan-  
tas melembapkan kreativiti untuk me-  
lahirkan keluaran baru.

Inovasi dan pembangunan keluaran  
baru di Malaysia adalah lembap di-  
bandingkan dengan kategori keluaran  
yang sama di luar negara.

Menyedari hakikat ini RMK-9 meng-  
gariskan beberapa strategi untuk men-  
capainya. Ini termasuk penyelidikan  
dan pembangunan (R&D), penggalan-  
kan amalan pertanian yang baik, pia-  
waaian keluaran dan meningkatkan ta-  
hap profesionalisme peserta pasaran

**Pemilihan paradigma ini adalah bijak, menepati  
keperluan ekonomi semasa. Iaitu, jalinan dan  
rantai yang rapat antara satu sektor dengan yang  
lain dan hubungan ekonomi dalaman dan  
antarabangsa - menuntut perancangan ekonomi  
merentasi pelbagai sektor dan fungsi**

dan usahawan.

Nyata bahawa peningkatan penge-  
luaran makanan merupakan agenda  
utama pertanian di bawah RMK-9.

## Revolusi Pertanian

Pembaharuan yang dijangka akan  
membawa revolusi kepada sektor per-  
tanian adalah bioteknologi dan nano-  
teknologi - sekiranya teknologi ini ber-  
jaya mencipta inovasi yang mening-  
katkan produktiviti atau menemui ke-  
gunaan baru tumbuh-tumbuhan nega-  
ra.

Untuk merevolusikan sektor perta-  
nian ini, kerajaan mewujudkan 'sektor  
pertanian yang berpandukan sains' mel-  
alui penyelidikan bioteknologi, nano-  
teknologi dan penerapan ICT.

Sebagai contoh, potensi biotekno-  
logi terletak (i) kemampuannya mening-  
katkan produktiviti pertanian; (ii)  
meningkatkan nilai tambah keluaran  
yang berasaskan bio (seperti *phyto-  
medicines*, perasa dan pewangi, *bio-  
pesticides* dan *pharmaceuticals* (*nu-  
traceuticals*); dan (iii) melahirkan pel-  
bagai keluaran baru.

Kekayaan bio-diversiti di Malaysia  
masih merupakan faedah berbanding  
negara yang masih belum digembelng-  
kan sepenuhnya. Kefahaman kita ke  
atas setiap flora dan fauna dari segi  
potensi kegunaannya masih belum  
diterokai dengan meluas.

Revolusi Hijau mengambil masa dua  
dekad untuk membawa perubahan di  
Asia. Begitu juga bioteknologi, ia me-  
ngambil beberapa dekad untuk mem-  
bawa impak yang besar kepada perta-  
nian di Amerika Syarikat dan Ero-  
pah.

Sama ada Malaysia mampu mencari  
jalan yang singkat untuk menembusi  
'sempadan ilmu' ini masih tidak dapat  
diduga ketika ini. Kerana, setakat ini  
masih belum ada penemuan yang meny-  
erlah atau ketara yang mampu me-  
lonjakkan sektor makanan negara ke  
tahap yang lebih tinggi.

Memang ada penemuan penyelidikan  
yang dicapai di sana sini oleh institusi  
penyelidikan tempatan, tetapi penge-  
luaran makanan negara masih belum  
mampu bersaing walaupun dengan ne-  
gara yang kurang maju berbanding de-  
ngan Malaysia seperti Thailand dan  
Vietnam. Dari segi eksport makanan,  
Thailand berjaya menembusi pasaran  
eksport dalam sektor buah-buahan, ma-  
kanan proses dan keluaran perikanan.  
Malaysia bagaimanapun menunjuk-

kan beberapa pencapaian dalam bidang  
bioteknologi untuk komoditi kelapa sa-  
wit, getah dan koko. Prospek untuk  
inovasi keluaran baru daripada komo-  
diti ini masih luas terutama dalam sek-  
tor hiliran.

## Modal insan

Modal insan adalah pemacu utama  
pembangunan sektor pertanian. RM-  
K-9 telah menggariskan beberapa  
strategi untuk melahirkan tenaga yang  
terlatih dalam sektor ini di samping  
melahirkan 'usahawan' yang menjadi  
peneraju sektor perniagaan tani.  
Industri Kecil dan Sederhana (IKS)  
dijangka memberi peranan yang lebih  
aktif untuk menyertai sistem rangkaian  
pembekal perniagaan tani dunia.

Untuk menghasilkan lebih ramai pe-  
nyelidik, saintis dan jurutera, program  
pembangunan sumber manusia sains  
dan teknologi akan ditubuhkan.

Untuk menyokong pembangunan  
pertanian dan perniagaan tani, RMK-9  
juga menyediakan strategi yang mem-  
bantu sektor ini seperti penglibatan  
GLC dalam perniagaan tani, strategi  
untuk memastikan kelestarian sumber  
terutama tenaga dan air, strategi un-  
tuk memelihara persekitaran dan me-  
mastikan agensi pelaksana menjalan-  
kan fungsi masing-masing dengan cep-  
kap.

Penelitian ke atas RMK-9 menun-  
jukkan bahawa kerajaan mahu mere-  
volusikan sektor pertanian dan maku-  
nan negara melalui teknologi terutama  
bioteknologi dan ICT di samping pem-  
bangunan modal insan.

Sama ada matlamat ini akan dicapai  
masih boleh dipersoalkan. Ini kerana  
sebahagian besar petani atau pengeluar  
pertanian di negara ini adalah penge-  
luar atau petani kecil yang masih te-  
rasing daripada 'dunia sains dan bio-  
teknologi', baik dari segi pengetahuan  
mahupun sikap.

Maka 'revolusi teknologi pertanian  
yang hendak diwujudkan ini mungkin  
memanfaatkan sebilangan kecil penge-  
luar atau pengusaha yang berpendi-  
dikan dan memiliki cukup modal untuk  
berani menanggung risiko menerap tek-  
nologi baru dalam perusahaan mereka.

PROFESOR DR. FATIMAH  
MOHD. ARSHAD ialah  
Pegawai Institut Kajian Dasar  
Pertanian dan Makanan,  
Universiti Putra Malaysia.